



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

ISU UDANG KERING DISEMBUR DENGAN BAHAN YANG TIDAK DIKETAHUI

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum laporan bertajuk "*Dried shrimps sprayed with substance caught on clip*" yang disiarkan di akhbar The Star bertarikh 20 Oktober 2016 di muka surat 4. Laporan tersebut menyatakan terdapat rakaman video yang menjadi viral dalam media sosial memaparkan dua lelaki menyembur sesuatu bahan ke atas udang kering untuk jualan di pasar besar Kota Kinabalu, Sabah.

KKM telah menjalankan siasatan terhadap perkara ini dan hasil siasatan menunjukkan bahan yang disembur adalah pewarna yang tidak dibenarkan dalam udang kering di bawah Akta Makanan 1983. Sehubungan itu KKM akan mengambil tindakan perundangan terhadap penjual udang terbabit.

Penggunaan bahan pewarna yang tidak dibenarkan dalam udang kering adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 13B(2) Akta Makanan 1983 dan sesiapa yang disabitkan kesalahan boleh didenda RM 20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
28 Oktober 2016